

23 SEP 1999

PAHANG SUSUN PROGRAM TERNAK LEMBU BERSEPADU

KUANTAN, 23 Sept (Bernama) -- Langkah kerajaan Pahang melaksanakan program ternakan lembu secara bersepadu di ladang-ladang kelapa sawit merupakan usaha tepat ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar dan pengeksporth makanan utama.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Datuk Dr Mohd Nordin Md Noor hari ini berkata kini terdapat 30,000 ekor lembu yang ditenak di ladang-ladang kelapa sawit di negeri ini.

Jabatan itu bercadang meningkatkan jumlah itu kepada 6,000 ekor setahun dalam masa 10 tahun, katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan para peserta dan bakal peserta projek ternakan secara bersepadu itu.

Mereka terdiri daripada pemilik ladang kelapa sawit seperti Felda, Kurnia Setia Berhad, Far East Holdings Bhd, Pertubuhan Peladang Negeri Pahang dan Koperasi Serba Usaha Makmur.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam iaitu wawasan terbaru Malaysia ialah untuk memperkembangkan sektor pertaniannya sehingga muncul sebagai pengeluar dan pengeksporth utama makanan.

Dr Mohd Nordin berkata Jabatan Perkhidmatan Haiwan Pahang merangka pelan untuk membolehkan 100,000 lembu ditenak di ladang-ladang sawit dalam dekad akan datang.

Katanya daripada 577,000 hektar ladang sawit di negeri ini, 40,000 hektar daripadanya sesuai untuk menjalankan sistem ternakan secara berkelompok.

Program ternakan lembu itu juga akan diperluaskan di ladang-ladang sawit yang sesuai di seluruh negara secara berperingkat-peringkat, katanya.

-- BERNAMA

ROS LAT